




Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah



COMMITTEE PAGE

VOICE OF ACADEMIA

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah Branch

ADVISORY BOARD MEMBER

PROFESSOR DR. MOHAMAD ABDULLAH HEMDI
ASSOCIATE PROFESSOR TS. DR. AZHARI MD HASHIM

CHIEF EDITOR

DR. JUNAIDA ISMAIL

MANAGING EDITOR

MOHD NAZIR RABUN

EDITORIAL TEAM

AISHAH MUSA
ETTY HARNIZA HARUN
KHAIRUL WANIS AHMAD
INTAN SYAHRIZA AZIZAN
SYAHRINI SHAWALLUDIN

EDITORIAL BOARD

PROFESSOR DR. DIANA KOPEVA
UNIVERSITY OF NATIONAL AND WORLD ECONOMY,
SOFIA, BULGARIA

PROFESSOR DR. KIYMET TUNCA CALIYURT
FACULTY OF ACCOUNTANCY, TRAKYA UNIVERSITY,
EDIRNE, TURKEY

PROFESSOR SIVAMURUGAN PANDIAN
SCHOOL OF SOCIAL SCIENCE, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

DR. SIMON JACKSON
FACULTY OF HEALTH, ARTS AND DESIGN,
SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MELBOURNE, AUST

PROFESSOR DR. M. NAUMAN FAROOQI
*FACULTY OF BUSINESS & SOCIAL SCIENCES,
MOUNT ALLISON UNIVERSITY, NEW BRUNSWICK, CANADA*

PROFESSOR MADYA DR. WAN ADIBAH
*FACULTY OF ACCOUNTANCY,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA*

DR. AZLYN AHMAD ZAWAWI
*FACULTY OF ADMINISTRATIVE SCIENCES & POLICY STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA*

DR. AZYYATI ANUAR
*FACULTY OF BUSINESS MANAGEMENT,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA*

DR. NEESA AMEERA MOHAMMED SALIM
*COLLEGE OF CREATIVE ARTS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA*

DR. MUHAMAD KHAIRUL ANUAR ZULKEPLI
*ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA*

DR ROSIDAH AHMAD
*FACULTY COMPUTER SCIENCE AND MATHEMATICS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA*

CONTENT REVIEWER

PROF MADYA TS DR ASMADI MOHD GHAZALI,
FPM, UITM KEDAH

PROF MADYA DR NOOR ZAHIRAH MOHD SIDEK,
FPP, UITM KEDAH

DR ABD RAHMAN LATIF,
UMT

DR ANIDA MAHMOOD,
LAW, UITM SHAH ALAM

DR AZLYN AHMAD ZAWAWI,
FSPPP, UITM KEDAH

DR AZFAHANEE ZAKARIA,
FPP, UITM KEDAH

DR AZYYATI ANUAR,
FPP, UITM KEDAH

DR HAFIZAH HAMAAD AHMAD KHAN,
FPP, UITM KEDAH

DR JAMALUDDIN AKBAR,
FPP, UITM KEDAH

DR LAW KUAN KHENG,
FPP, UITM KEDAH

DR MAHADZIR ISMAIL,
FPP, UITM KEDAH

DR MOHD NASIR AYUB,
ACIS, UITM PAHANG

DR NORHIDAYAH ALI,
FPP, UITM KEDAH

DR NOR ZAINI ZAINAL ABIDIN,
FSPPP, UITM KEDAH

DR. NORAINI BINTI NOORDIN,
UITM PERLIS

DR NURSYAZWANIE MANSOR,
APB UITM KEDAH

DR NUR AIDA KIPLI,
FSPPP, UITM SARAWAK

DR RADZLIYANA RADZUWAN,
UITM NEGERI SEMBILAN

DR SITI SULIHA RAZALI,
USM, PULAU PINANG

DR. SITI FEIRUSZ AHMAD FESOL,
FSKM, MELAKA

DR. SITI MARIAM NORRULASHIKIN,
UTM, JOHOR

DR. S. KANAGESWARI A/P SUPPIAH SHANMUGAM,
UUM

DR WAN MUHAMMAD HARIZ,
FA, UITM KEDAH

DR. YEAP CHUN KEAT,
APB, UITM MELAKA

DR ZURAIDA MOHAMED ISA

LANGUAGE REVIEWER

DR JUMANI FAUZI,
CENTER FOR MODERN LANGUAGE, UMP

DR. NURUL KAMALIA BINTI YUSUF,
APB, UITM SERI ISKANDAR

DR UNGKU KHAIRUNNISAN UNGKU MOHD NORDIN,
LANGUAGE ACADEMY UTM, JOHOR

DR WAN IRHAM ISHAK, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH

EN AZRUL SHAHIMY MOH YUSOF,
APB, UITM KEDAH

EN AZLAN ABDUL RAHMAN,
APB, UITM KEDAH

PN AISHAH MUSA, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH

PN BAWANI SELVARAJ,
APB, UITM KEDAH

PN HO CHUI CHUI, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH

PN JUWAIRIAH OSMAN, LECTURER,
APB, UM

PN MAS AIDA, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH

PN NOR ASLAH ADZMI, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH

PN PHAVEENA PRIMSUWAN, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH

PN RAZANAWATI NORDIN, SENIOR LECTURER.
APB, UITM KEDAH

PN ROBEKHAH HARUN, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH

PN SAMSI AH BIDIN, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH

PN SHAFINAH MD SALLEH, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH

MRS. ZARITH SOFIAH OTHMAN,
UITM DENGKIL

e-ISSN: 2682-7840



Copyright © 2022 by the Universiti Teknologi MARA Press

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

STRESSORS AND PSYCHOLOGICAL WELL-BEING AMONG STUDENTS IN A PUBLIC UNIVERSITY IN MALAYSIA Siti Rapidah Omar Ali ¹ , Nur Shafni Mohd Said ² , Khalid Amin Mat ³	1 - 16
THE LANGKAWI ISLAND MARKET POTENTIAL FOR EXTREME OUTDOOR SPORTS TOURISM Khor Poy Hua ¹ , Zul Arif Asrar Zulkefli ² , Lim Khong Chiu ³	17 - 30
THE INFLUENCE OF ORGANISATIONAL CULTURE TOWARDS EMPLOYEE PERFORMANCE AT THE UTILITIES SECTOR Nur Shafini Mohd Said ¹ , Raghadah Yusof ² , Siti Rapidah Omar Ali ³ , Khalid Amin Mat ⁴	31 - 40
RASUAH DAN INTEGRITI DALAM PENTADBIRAN AWAM DI MALAYSIA: SOROTAN LITERATUR Izawati Wook ¹ , Arif Fahmi Md Yusof ² , Hasnah Hj. Haron ³	41 - 58
STOCK RETURNS-BITCOIN NEXUS: EVIDENCE FROM PRE AND DURING COVID-19 OUTBREAK Bee-Hoong Tay*	59 - 69
FREE ONLINE CITATION GENERATORS: WHICH SHOULD UNDERGRADUATES USE WITH CONFIDENCE? Ho Chui Chui	70 - 92
THE EFFECTS OF TEAM COMPOSITION ON THE PERFORMANCE OF PUBLIC HEALTHCARE WORKERS IN MALAYSIA Azlyn Ahmad Zawawi ¹ , Aizzat Mohd. Nasurdin ²	93 - 105
CROSS-CULTURAL SERVICE MANAGEMENT FOR INTERNATIONAL MEDICAL STUDENTS IN CHINA: DEVELOPING A CONCEPTUAL FRAMEWORK Pengfei Qiu ¹ , Boo Ho Voon ² , Yusman Yacob ³ , Bin Shan ⁴	106 - 116
DEVELOPING A THEORETICAL FRAMEWORK OF CHINESE CULTURE OF EXCELLENCE FOR ECONOMIC INNOVATIONS Da An ¹ , Boo Ho Voon ² , & Wen Chiat Lee ³	117 - 127
CORRECTIVE FEEDBACK – ITS ROLE AND IMPACT IN ENHANCING LEARNERS' LANGUAGE PERFORMANCE Fazmawati Zakaria ¹ , Surina Nayan ²	128 - 139
THE IMPORTANCE OF A GLOBAL MINDSET TO THE MALAYSIAN FOOD INDUSTRY SMES Nurul Ulya Abdul Rahman ¹ , Norziani Dahalan@Omar ²	140 - 150
TAX COMPLIANCE MEASUREMENT AMONG TAXPAYERS OF UTM KEDAH STAFF Daing Maruak bin Sadek ¹ , Azyyati binti Anuar ² , Muhammad Zulhilmil Shamsul ³ , Mas Aida binti Abd Rahim ⁴ , Noor Hidayah binti Kasim ⁵	151 - 163
ELEMEN FIZIKAL DAN SPIRITUAL KISAH ASHABUL KAHFI: ANALISIS FIGURA RETORIKA Muhamad Khairul Anuar Zulkepli ¹ , Mohd Zulkhairi Abd Hamid ²	164 - 177
A REVIEW OF THE ENTREPRENEURIAL MINDSET Mohammad Noorizzuddin Nooh ¹	178 - 198

**ENTREPRENEURSHIP EDUCATION AND ENTREPRENEURIAL COMPETENCIES
AMONG UNIVERSITY STUDENTS**

Nurul Nadia Nazari, Shamsul Huda Abd Rani

199 - 209

**A STUDY ON THE CHINESE CHARACTERS LEARNING STRATEGIES AMONG
NON-CHINESE BEGINNER-LEVEL LEARNERS IN MALAYSIA'S PUBLIC
UNIVERSITY: A CASE STUDY OF UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)
DURING MCO PERIOD AND THE IMPLEMENTATION OF ODL**

Tay Yang Lian¹, Chin Jing Ru², Lim Zu Ying³, Wan Faridatul Akma Wan Mohd Rashdi⁴

210 - 224

**THE ASSOCIATION BETWEEN STUDENTS' LEISURE ACTIVITIES ON WEEKENDS
DURING MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) AND DEMOGRAPHIC
CHARACTERISTICS**

Syafiza Saila Samsudin¹, Noor Izyan Mohamad Adnan², Nik Muhammad Farhan Hakim Nik
Badrul Alam³, Siti Rosiah Mohamed⁴, Nazihah Ismail⁵

225 - 237

RASUAH DAN INTEGRITI DALAM PENTADBIRAN AWAM DI MALAYSIA: SOROTAN LITERATUR

Izawati Wook¹, Arif Fahmi Md Yusof² & Hasnah Hj. Haron³

*^{1,2}Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
Nilai, Negeri Sembilan*

*³Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia,
Nilai, Negeri Sembilan*

ARTICLE INFO

Article history:

Received Feb 2022
Accepted May 2022
Published June 2022

Keywords:

Rasuah, integriti, pentadbiran awam, sorotan literatur, Malaysia

Corresponding Author:
fahmi@usim.edu.my

ABSTRACT

Corruption and problems in integrity involving public service in Malaysia are important aspects to be considered, as level of corruption is allegedly regarded as severe in many studies and reports. Corrupt practices in government administration may lead to failures in the delivery system and affects the running functions of an organisation. This paper examines literature on integrity and corruption involving civil servants. It aims to identify the level of risk of corruption involving public administration, factors of corrupt practices, and recommendations to address the issue. This study employs library research by collecting and analysing the related literature. The review of literature finds that the general perception towards corruption is critical. Law enforcement and procurement sectors are found to be detrimental. Low moral and ethical values within the organisation, ineffective law enforcement and inefficient management may lead to opportunity, and risk of corruption. Therefore, education and values of good ethics, are important to ensure a high level of integrity among civil servants in order to reduce the risk of corruption in public administration. This paper also plays a part in identifying the gaps in the literature on integrity and corruption involving public officials and pointing out further aspects for further research.

Isu rasuah dan kelemahan integriti membabitkan perkhidmatan awam di Malaysia merupakan aspek penting yang perlu diambil perhatian, memandangkan tahap rasuah yang dianggap serius dalam banyak kajian dan laporan. Amalan rasuah di dalam pentadbiran kerajaan

mampu menyebabkan kegagalan dalam sistem penyampaian dan melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi. Makalah ini meneliti kajian-kajian terdahulu berkaitan integriti dan rasuah melibatkan penjawat awam, khususnya aspek yang dicakupi oleh kajian-kajian tersebut. Ini adalah bagi mengenal pasti tahap risiko rasuah membabitkan pentadbiran awam, faktor-faktor kepada perlakuan rasuah serta cadangan bagi menangani isu ini. Kajian bagi makalah ini menggunakan kaedah kepustakaan iaitu mengumpul dan meneliti kajian-kajian lepas yang berkaitan. Hasil dari sorotan literatur ini menunjukkan kajian-kajian berkenaan mendapati persepsi umum terhadap masalah tersebut adalah serius, manakala sektor yang mempunyai kecenderungan tinggi melakukan rasuah adalah sektor penguatkuasaan undang-undang dan perolehan. Kewujudan peluang dan kesempatan kepada penjawat awam, khususnya iklim etika yang rendah dalam organisasi seperti kelemahan dalam pengurusan, serta kelemahan penguatkuasaan undang-undang membuka risiko rasuah. Oleh yang demikian, pendidikan dan penghayatan nilai etika kerja yang baik, penguatkuasaan undang-undang antara lain adalah penting bagi memastikan tahap integriti yang tinggi dalam kalangan kakitangan awam bagi mengurangkan risiko rasuah dalam pentadbiran awam. Makalah ini juga penting bagi mengkaji jurang yang terdapat di dalam kajian-kajian terdahulu berkenaan integriti dan rasuah melibatkan pegawai awam dan mengenal pasti aspek-aspek seterusnya bagi tujuan kajian lanjut.

©2022 UiTM Press. All rights reserved.

1. Pengenalan

Rasuah merupakan pembunuh senyap kredibiliti penjawat awam. Menurut Pengurus Besar Kanan Bahagian Operasi Institut Integriti Malaysia (IIM), walaupun hanya seorang daripada 1.6 juta penjawat awam melakukan rasuah, perkara tersebut adalah perlu dibimbangi. Hal ini kerana kegiatan rasuah melibatkan penjawat awam memberi kesan buruk yang bukan sahaja merugikan negara bahkan rakyat tempatan, menjejaskan imej dan reputasi kerajaan, selain keselamatan negara.

Laporan Persepsi Rasuah oleh *Transparency International* pada tahun 2019 menunjukkan peningkatan Indeks Persepsi Rasuah (CPI). Laporan tersebut melaporkan Malaysia berjaya menambahbaik kedudukan, iaitu naik sepuluh tangga pada kedudukan 51 daripada 180 negara, dengan skor 53 (*Transparency International*, 2019). Kedudukan ini adalah yang sama pernah dicapai oleh Malaysia pada tahun 2014.

Meskipun begitu, Laporan Barometer Rasuah Global Asia (GCB) Edisi ke-10, melalui satu tinjauan umum yang dilakukan ke atas penduduk Malaysia mengenai persepsi mereka terhadap isu

rasuah di dalam negara mendapati bahawa pada tahun 2020, 72% masyarakat berpendapat bahawa rasuah yang berlaku di dalam kerajaan adalah satu masalah yang besar. Hal ini seolah-olah menunjukkan ketidakpercayaan rakyat Malaysia terhadap integriti pentadbiran awam negara serta anggotanya. Melalui sesi temubual dalam kajian tersebut juga, 58% berpendapat bahawa Polis dan juga Penjawat Awam merupakan sektor yang korup selepas ahli Parlimen (FGIC, 2019).

Dalam konteks perkhidmatan awam, dari tahun 2015 sehingga 2020, sebanyak 47.5% hasil tangkapan yang dibuat oleh SPRM adalah melibatkan penjawat awam. Sebanyak 525 jumlah tangkapan terdiri daripada penjawat awam telah dibuat pada tahun 2019, berbanding tahun sebelumnya, iaitu sebanyak 418 kes. Selain itu, daripada 210 individu yang didakwa di Mahkamah Sesyen Khas berkaitan rasuah di seluruh Malaysia, 110 daripadanya terdiri daripada kalangan pejawat awam (SPRM, 2021).

Pelan Anti-Rasuah Nasional 2019-2023 melaporkan terdapat 10 sektor atau bidang yang disenaraikan sebagai bidang yang cenderung terhadap gejala rasuah. Bagi tahun 2013 hingga 2018, sektor perolehan mencatatkan 42.8% daripada keseluruhan aduan diikuti sektor penguatkuasaan sebanyak 23.9%. Sektor pentadbiran serta perlesenan dan permit masing-masing mencatatkan 13.4% serta 8.6% diikuti sektor pembiayaan dan hasil, iaitu 8.1%. Pelan tersebut juga turut menyatakan bahawa pentadbiran sektor awam merupakan antara enam bidang yang berisiko serta cenderung kepada rasuah.

Hal ini menunjukkan sektor perkhidmatan awam diketahui umum sebagai institusi berisiko tinggi serta cenderung kepada rasuah. Oleh itu, tidak dapat tidak, usaha bagi membendung kelakuan tidak beretika ini mestilah ditingkatkan. Kajian-kajian seterusnya perlu dilakukan bagi mengenal pasti jurang dan kekurangan yang terdapat di dalam usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dan pelbagai agensi sebelum ini.

Makalah ini meneliti kajian-kajian terdahulu berkaitan integriti dan rasuah melibatkan penjawat awam khususnya aspek-aspek yang dicakupi oleh kajian-kajian tersebut. Ini adalah bagi mengkaji jurang yang terdapat dalam kajian-kajian terdahulu berkenaan integriti dan rasuah melibatkan pegawai awam dan mengenalpasti aspek-aspek seterusnya bagi tujuan kajian lanjut.

2. Rasuah dan integriti dalam pentadbiran awam

Dalam konteks pentadbiran awam, rasuah umumnya ditakrifkan sebagai perilaku di jabatan-jabatan atau pejabat-pejabat awam, termasuklah para politikus dan pegawai-pegawai, yang secara tidak wajar dan tidak sah menurut undang-undang, bertujuan mengayakan diri atau kerabat (keluarga dan sahabat handai), dengan menyalahguna kuasa dan kepercayaan awam yang diberi kepada mereka untuk keuntungan sendiri (Sarah Dina Mohd Adnan, 2013). Dengan kata lain, rasuah merangkumi apa-apa perbuatan yang berkisar kepada matlamat untuk mendapatkan keuntungan ekonomi atau keuntungan lain yang dibuat oleh seseorang individu dalam kedudukan kuasanya hasil daripada peranan atau kedudukan individu tersebut dalam sesebuah organisasi atau institusi (Ahmad Nasran Azrae, 2018). Kepatuhan kepada undang-undang dan penghayatan integriti amat penting bagi mengelakkan gejala rasuah ini dalam pentadbiran awam.

Peruntukan undang-undang

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM) memperuntukkan pelbagai bentuk kesalahan rasuah. Hal ini boleh merangkumi pelbagai bentuk perbuatan samada

meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima suapan; atau memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan (Seksyen 16). Tujuan suapan tersebut adalah sebagai dorongan atau upah bagi, contohnya, mana-mana pegawai suatu badan awam untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara atau transaksi yang membabitkan badan awam tersebut (Seksyen 16).

Suapan boleh jadi dalam pelbagai bentuk seperti wang, derma, jawatan, kebesaran, bayaran, balasan berharga, perkhidmatan atau pertolongan serta apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat (Seksyen 3(a) - (g)). Bentuk suapan lain yang dikatakan berlaku adalah permintaan terhadap perlakuan seks, menawarkan pekerjaan kepada ahli keluarga dan pembayaran untuk mempercepatkan proses kelulusan permohonan.

Seksyen 21 ASPRM memperuntukkan perbuatan menyogok pegawai badan awam sebagai satu kesalahan jenayah. Ini merangkumi perbuatan menawarkan kepada atau menerima apa-apa suapan oleh pegawai awam bagi mendorong atau sebagai upah supaya pegawai tersebut melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang disenaraikan seperti berikut:

1. Mengundi atau tidak dalam mesyuarat badan awam itu bagi menyokong atau menentang apa-apa langkah, ketetapan berkaitan.
2. Melaksanakan atau tidak, membantu mendapatkan, mencepatkan, melambatkan, merintang atau menghalang apa-apa perbuatan rasmi.
3. Membantu mendapatkan atau menghalang pelulusan apa-apa undi atau pemberian kontrak atau faedah.
4. Memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan bagi sesuatu keputusan
5. Selain itu, mengemukakan tuntutan palsu (Seksyen 18) dan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan pegawai awam (seksyen 23) juga merupakan kesalahan jenayah.

Rasuah yang berlaku dalam kalangan penjawat awam ini tidak terhad kepada pemberian wang sogokan sahaja, malahan terdapat juga kes berlakunya penyelewengan ke atas skim bantuan yang telah diperuntukkan oleh kerajaan kepada masyarakat tempatan. Sebagai contoh, antara masalah rasuah dalam sektor pertanian adalah ketirisan subsidi skim pertanian yang diperuntukkan oleh kerajaan bagi pengagihan baja yang tidak sampai kepada pihak yang sepatutnya, iaitu pesawah padi bertujuan untuk mengurangkan kos pengeluaran di samping membantu meningkatkan pendapatan mereka (Asmar Abdul Rahim, 2021).

Sementara itu, Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat, 1970 di bawah seksyen 2(2) mentafsirkan istilah "perbuatan rasuah" dalam kalangan pegawai awam sebagai: "Apa-apa perbuatan oleh mana-mana Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri atau mana-mana pegawai awam yang menggunakan kedudukan atau jawatan awamnya untuk faedah kewangannya atau untuk apa-apa faedahnya yang lain"

Selain itu, penjawat awam juga tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Secara tidak langsung, peraturan-peraturan ini mengawal selia integriti penjawat awam.

Integriti

Integriti secara umumnya bermaksud kualiti unggul yang wujud di kalangan individu dan kualiti ini berteraskan kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi. Di peringkat organisasi, integriti dicerminkan dengan perumusan dan pelaksanaan kod

etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan kerja terbaik.

Bagi individu yang memegang amanah sebagai penjawat awam, integriti bermaksud melakukan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan menurut kepentingan umum. Sebagai penjawat awam juga mereka tidak boleh menyalahgunakan kuasanya untuk kepentingan diri mahupun keluarga. Ketiadaan sikap integriti di dalam penjawat awam boleh menjejaskan kepercayaan umum terhadap penjawat awam (Yusof, 2010). Integriti memerlukan setiap individu bertindak secara jujur dan amanah mengikut bidang kuasa dan tugasnya, telus, tiada konflik peribadi, berwibawa, akauntabiliti serta patuh kepada segala peraturan dan undang-undang (Asmar Abdul Rahim, 2021)

Integriti juga turut mempunyai perkaitan dengan etika yang berdasarkan tindakan seharian. Ia ditafsirkan dengan lebih luas merangkumi pembudayaan kerja berintegriti seperti ketepatan masa, penyampaian maklumat, penyampaian perkhidmatan, serta perhubungan dengan ketua jabatan, rakan sekerja, masyarakat dan kakitangan sokongan (Mohd Ishar et al, 2021).

Selain itu, integriti sering dikaitkan dengan perilaku rasuah. Hal ini kerana, antara punca amalan rasuah masih berleluasa adalah disebabkan oleh integriti yang rendah. Seseorang yang tidak berintegriti kemungkinan besar akan cenderung untuk melakukan rasuah (Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan, 2019). Integriti lazimnya bertumpu kepada isu dan masalah rasuah, penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa sebagai kunci memahami integriti (Asmar Abdul Rahim, 2021).

Kepentingan sifat integriti ini sebagai salah satu usaha dalam membasmi rasuah boleh dilihat melalui Pelan Integriti Nasional yang telah digubal oleh kerajaan pada tahun 2004. Pelan ini dilancarkan dengan fokus utamanya untuk menanam dan memupuk budaya etika dan integriti dalam kalangan semua lapisan masyarakat Malaysia. Malah, kerajaan juga telah menubuhkan Institut Integriti Malaysia yang merupakan badan bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan perundingan mengenai integriti, anti-rasuah dan tadbir urus di Malaysia. Kerajaan juga turut melancarkan Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023 untuk menjadikan Malaysia negara bebas rasuah dan berintegriti (Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan, 2019).

Usaha-usaha ini jelas menunjukkan sikap berintegriti adalah penting sebagai salah satu langkah bagi membendung amalan rasuah di dalam negara. Integriti penting dalam melahirkan dan membentuk serta membangunkan negara ke arah yang lebih maju. Justeru, banyak kajian berkaitan rasuah dan integriti dalam pentadbiran awam telah dijalankan di Malaysia yang akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

3. Kajian berkaitan rasuah dan integriti dalam pentadbiran awam

Isu rasuah dan integriti merupakan tumpuan penyelidikan akademik mahupun institusi terbabit. Ini mungkin disebabkan senario rasuah dan integriti menjadi persoalan penting yang menjadi tumpuan masyarakat di negara ini. Meneliti kajian-kajian lepas, terdapat banyak kajian telah dijalankan oleh pelbagai pihak mengenai isu rasuah dan integriti dalam sektor pentadbiran awam.

Kajian-kajian tersebut merangkumi beberapa aspek utama. Aspek-aspek yang paling menjadi tumpuan kajian adalah persepsi umum terhadap kadar atau kedudukan rasuah di Malaysia (Noraida Harun, 2017) (Corruption Perceptions Index, 2019) Laporan Barometer Rasuah Global Asia (GCB) (Siddiquee, 2011) (Embong, 2005) (Anis Yusaf Yusoff, 2017) (Haron, 2020). Aspek lain

yang turut diteliti oleh banyak kajian adalah tahap risiko atau kecenderungan yang wujud dalam sesebuah institusi kepada berlakunya perlakuan rasuah (Pelan Anti-Rasuah Nasional 2019-2023; Ahmad Nasyran Azrae, 2018; Budhi, 2018; Nordin, 2015; Duasa, 2008; Karim, 1995). Terdapat juga kajian yang menumpukan kepada tahap integriti kakitangan dalam sesebuah institusi tertentu (Asmawati Sajari, 2017; Azimi, 2013) serta kajian tentang kepentingan peranan Ketua Pegawai Integriti dan Iklim Etika dalam memastikan ekosistem dan tahap etika dan integriti dalam sektor awam (Megat Ayop Megat Arifin, 2016; Asmawati Sajari, 2016). Bahagian seterusnya menghuraikan tentang aspek-aspek kajian tersebut.

Persepsi umum terhadap kadar atau kedudukan rasuah di Malaysia

Kajian-kajian lepas berkenaan rasuah di Malaysia banyak menumpukan kepada tahap persepsi terhadap kadar rasuah samada secara umum di Malaysia atau pun hanya memfokuskan kepada sektor perkhidmatan awam. Laporan *Transparency International (TI)*, yang merupakan hasil kajian di peringkat antarabangsa, mengukur persepsi pakar dan ahli perniagaan berkenaan rasuah (penyalahgunaan kuasa untuk keuntungan peribadi). Hasil kajian ini menjadi pengukuran asas bagi kelakuan rasuah di sesebuah negara (*Corruption Perception Index*, 2019; Noraida Harun, 2017).

Seterusnya, laporan Barometer Rasuah Global Asia (GCB) Edisi ke-10, telah melaksanakan satu tinjauan umum di seluruh dunia bagi mendapatkan persepsi orang awam terhadap rasuah yang berlaku di negara mereka. Di Malaysia, tinjauan telah dijalankan melalui kaedah temubual melibatkan seramai 1000 penduduk Malaysia yang dipilih secara rawak. Antara aspek kajian yang diukur adalah kepercayaan dan keyakinan terhadap kerajaan/pegawai awam/agensi penguatkuasaan, kadar/risiko rasuah yang berlaku dalam institusi kerajaan, agensi pencegahan rasuah, pengetahuan mengenai seseorang yang terlibat dalam rasuah serta prestasi kerajaan dalam membanteras rasuah. Hasil dapatan laporan tersebut melaporkan bahawa pada tahun 2020, majoriti masyarakat di Malaysia berpendapat bahawa rasuah yang berlaku di dalam kerajaan adalah satu masalah yang besar.

Selain itu, Haron (2020) menumpukan kepada tahap persepsi awam terhadap rasuah di negeri-negeri Pantai Timur iaitu Terengganu, Pahang dan Kelantan. Kajian tersebut menggunakan borang kaji selidik secara atas talian yang telah diedarkan kepada responden-responden yang terdiri daripada orang awam, kementerian, sektor kerajaan dan universiti. Soal selidik tersebut telah diadaptasi daripada soalan-soalan Laporan Barometer Global Rasuah Asia dan juga Kajian Persepsi Integriti Nasional (KPIN) tahun 2017.

Antara aspek yang difokuskan dalam kajian tersebut adalah keberkesanan SPRM dalam membanteras rasuah, jaminan keselamatan saksi dan pemberi maklumat berkenaan rasuah, tahap pengambilan rasuah dalam negara, tahap rasuah dalam sektor politik dan kerajaan, keberkesanan NGO dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai rasuah, SPRM sebagai satu badan bebas, usaha pencegahan rasuah oleh kerajaan semakin berjaya, tahap jenayah rasuah dalam sektor swasta, jenayah rasuah dalam kalangan orang awam, permit/lesen diberi tanpa rasuah dan projek kerajaan ditawarkan melalui tender terbuka. Aspek-aspek ini telah juga dikaji oleh Anis Yusal Yusoff (2017) yang menjurus kepada persepsi mahasiswa terhadap tahap rasuah di Malaysia. Kajian ini mengguna pakai kaedah kaji selidik di atas talian yang telah diedarkan kepada mahasiswa-mahasiswa universiti yang dipilih secara rawak.

Meneliti hasil penemuan kajian-kajian tentang persepsi umum terhadap kadar rasuah di negara ini, boleh disimpulkan umum menanggapi bahawa rasuah yang berlaku di dalam kerajaan masih belum dapat diatasi dan merupakan satu masalah yang besar. Meskipun begitu, Laporan

Persepsi Rasuah oleh TI menunjukkan persepsi rasuah di dalam negara semakin baik apabila kedudukan Malaysia, pada tahun 2019, naik sepuluh tangga, berbanding tahun sebelumnya, kepada 51 dari 180 negara, dengan skor 53. Namun, dapatan kajian oleh Laporan Barometer Rasuah Global Asia Edisi ke-10 mendapati bahawa pada tahun 2020, 72% masyarakat berpendapat bahawa rasuah yang berlaku di dalam kerajaan adalah satu masalah yang besar. Malah persepsi umum juga berpendapat bahawa pentadbiran kerajaan dan sektor awam mempunyai tahap amalan rasuah yang tinggi. Dilaporkan juga, 58% responden berpendapat polis dan penjawat awam merupakan sektor yang korup selepas ahli Parlimen.

Persepsi umum terhadap tahap rasuah yang tinggi membabitkan pentadbiran kerajaan ini turut disokong melalui dapatan kajian yang dilakukan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (Siddiquee, 2011; Embong, 2005). Hasil kajian tersebut mendapati bahawa gejala rasuah dalam agensi kerajaan adalah tinggi iaitu 31.6% melaporkan ianya berlaku di dalam agensi mereka sendiri. Malah, perkara ini juga disokong oleh kajian Anis Yusal Yusoff (2017) yang melaporkan bahawa rata-rata persepsi mahasiswa melihat tahap rasuah di dalam sektor kerajaan dan politik adalah tidak terkawal. Namun, Haron (2020) mendapati tahap penanda aras bagi persepsi rasuah di kalangan masyarakat wilayah Pantai Timur adalah pada tahap sederhana.

Tahap risiko atau kecenderungan terhadap rasuah

Terdapat banyak juga kajian yang meneliti rasuah dan integriti dari sudut kecenderungan sesebuah institusi atau kakitangannya terhadap perlakuan rasuah.

Melalui Pelan Anti-Rasuah Nasional 2019-2023, satu penilaian risiko telah dibuat oleh kerajaan sebelum merangka Pelan tersebut. Tujuan penilaian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti bidang/sektor di Malaysia yang cenderung terhadap gejala rasuah. Kaedah yang digunapakai bagi menilai risiko adalah dengan mendapatkan data dari pelbagai pihak termasuk Penilaian dan Semakan oleh Kumpulan Semakan Pakar Model Strategi Antirasuah Global, Kaji Selidik Rasuah seperti Indeks Persepsi Rasuah (CPI), Barometer Rasuah Global (GCB), data yang dikumpulkan dari pelbagai agensi Kerajaan, serta input daripada mereka yang berkepentingan dan orang awam. Kesemua isu yang timbul daripada sumber di atas kemudiannya diperincikan lagi menjadi pelbagai bidang yang cenderung terhadap gejala rasuah.

Duasa (2008) juga telah menjalankan satu kajian melalui edaran soal selidik bagi mengkaji tahap kecenderungan korupsi dalam kalangan penjawat awam. Kajian ini dijalankan ke atas kakitangan kerajaan yang dipilih secara rawak dari segi pendapatan, kedudukan, umur dan agama serta bangsa. Responden kajian tersebut terdiri daripada Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Kajian tersebut menilai kecenderungan rasuah iaitu Responden perlu menentukan samada tindakan di dalam kes-kes yang dinyatakan dianggap boleh diterima, serta tahap keseriusan kesalahan.

Fokus kepada agensi penguatkuasaan kerajaan yang hampir sama juga dilakukan oleh Ahmad Nasyran Azrae (2018). Kaedah yang digunapakai dalam kajian tersebut adalah dengan menganalisis laporan berita-berita tempatan berkenaan kes tangkapan, penahanan, pendakwaan serta sabitan bagi kesalahan rasuah melibatkan tiga agensi penguatkuasa kerajaan yang berlaku hampir setiap bulan di sepanjang tahun. Hasil analisa kajian tersebut mengenal pasti agensi penguatkuasa yang lebih cenderung untuk terlibat dalam jenayah rasuah.

Budhi (2018) juga telah melakukan temu bual dan juga perbincangan fokus berkumpulan bagi mengkaji lebih mendalam berkenaan amalan rasuah yang berlaku di dalam kalangan pegawai

kerajaan Malaysia khususnya dalam agensi penguatkuasaan melibatkan pengurusan pendatang asing ke Malaysia. Hasil kerja lapangan selama 2 bulan, seramai 19 individu yang terdiri daripada pendatang asing dari Indonesia dan pernah mempunyai pengalaman terlibat dalam jenayah rasuah atau menyaksikan jenayah tersebut telah ditemubual di Indonesia dan Malaysia. Kajian tersebut memfokuskan kepada dua elemen, iaitu pendatang Indonesia yang tidak tetap di Malaysia serta amalan rasuah yang diamalkan oleh pegawai kerajaan Malaysia dan juga pegawai imigresen.

Nordin (2015) telah menjalankan penyelidikan untuk menerangkan keperluan kepada satu kerangka inisiatif transparansi (TI) bagi memerangi rasuah dalam projek pembinaan awam. Kajian ini dilakukan berikutan ketiadaan kerangka TI dirumuskan untuk memberikan bacaan sistematik mengenai isu-isu rasuah dan cara mengurangkannya terutamanya dalam sektor pembinaan di Malaysia. Tujuan kajian ini juga dilakukan untuk menerangkan satu rangka inisiatif transparansi untuk memerangi rasuah dalam projek pembinaan awam. Penyelidikan ini menggunakan kaedah temu bual dan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada Responden yang terdiri daripada agensi kerajaan, kontraktor dan juga konsultan.

Berdasarkan hasil analisis kajian-kajian sedia ada ini, dapat disimpulkan bahawa sektor penguatkuasaan undang-undang merupakan antara bidang yang berisiko serta cenderung kepada rasuah (Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023)(Duasa, 2008; Budhi, 2018). Menurut Duasa (2008), Jabatan Imigresen Malaysia dan juga Polis Diraja Malaysia adalah dua jabatan yang mempunyai kecenderungan besar untuk berlakunya masalah rasuah. Kenyataan ini turut disokong oleh Budhi (2018) di mana hasil kajian lapangan yang dilakukan menunjukkan berlakunya amalan rasuah melibatkan pegawai polis PDRM dan juga pegawai Imigresen di dalam isu kemasukan pendatang asing tanpa izin di Malaysia. Pihak-pihak yang tidak berintegriti ini selalunya menerima rasuah daripada orang tengah bagi mengelakkan kapal yang membawa pendatang tanpa izin tidak diganggu dan ditahan daripada masuk ke Malaysia.

Namun, antara dua jenis agensi ini, kes rasuah di Polis Diraja Malaysia (PDRM) lebih kerap dilaporkan berbanding agensi penguatkuasaan kerajaan yang lain berikutan skop kerja PDRM yang lebih luas dan berhubung secara langsung dengan orang ramai sepertimana yang dilaporkan oleh Ahmad Nasyran Azrae (2018). Secara tidak langsung, persekitaran kerja PDRM lebih banyak mendedahkan mereka kepada amalan rasuah khususnya apabila orang yang ditahan atas sesuatu kesalahan memohon untuk dilepaskan daripada sebarang tindakan undang-undang.

Antara sektor lain yang turut berisiko dan cenderung untuk berlakunya gejala rasuah adalah sektor perolehan awam dan pentadbiran tanah. Noraida Harun (2017) yang menganalisis kes-kes berkaitan rasuah dalam pentadbiran tanah berdasarkan laporan akhbar tempatan mendapati tahap rasuah dalam sektor ini juga adalah membimbangkan. Selain itu, Nordin (2015) mendapati bahawa tahap rasuah/korupsi melibatkan dalam industri pembinaan di Malaysia berada pada tahap yang tinggi dan fasa perolehan adalah fasa yang paling cenderung untuk amalan rasuah berlaku.

Tahap integriti kakitangan

Kajian-kajian lain menumpukan kepada tahap integriti kakitangan dalam sesebuah institusi tertentu. Tahap etika dan integriti merupakan satu keutamaan yang penting bagi memastikan organisasi di dalam sektor awam mampu menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebaik mungkin. Oleh disebabkan itulah, organisasi di sektor awam perlu mempunyai tahap etika dan integriti yang tinggi.

Tahap integriti atau rasuah dalam sektor awam juga boleh dikenalpasti dengan melakukan penilaian etika dan integriti dalam sesebuah sektor atau institusi. Asmawati Sajari (2017) melakukan kajian serupa dengan menggunakan kaedah temubual dan soal selidik ke atas unit integriti di tiga jenis entiti sektor awam di wilayah Pantai Timur. Entiti sektor awam tersebut terdiri daripada sektor awam di peringkat negeri, badan berkanun negeri dan badan berkanun persekutuan. Antara aspek ukuran yang digunapakai di dalam soal kaji selidik bagi menilai tahap etika dan integriti organisasi-organisasi tersebut adalah dengan melihat kepada visi dan matlamat organisasi, kepimpinan, infrastruktur, pematuhan undang-undang, budaya organisasi, langkah-langkah tatatertib dan ganjaran, kaedah penyelidikan dan penilaian, nasihat dan sokongan sulit, etika latihan dan pendidikan, komunikasi beretika, pemberi maklumat, tangjawab sosial korporat dan akauntabiliti.

Selain itu, Azimi (2013) cuba mengenalpasti tahap integriti di dalam kalangan kakitangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta faktor-faktor utama yang mempengaruhi tahap integriti kakitangan dalam organisasi tersebut. Kaedah yang digunapakai dalam melengkapkan kajian ini adalah melalui kaedah soal selidik.

Asmawati Sajari (2019) mendapati tahap etika dan integriti bagi kesemua entiti yang dikaji adalah lebih daripada 50%. Ini menunjukkan bahawa kesemua organisasi adalah agak serius dalam menjalankan mekanisme integriti yang betul ke dalam aktiviti harian mereka di tempat kerja untuk mengekalkan tahap ketelusan, integriti dan profesionalisme tertinggi. Badan Berkanun Kerajaan (Kajian Kes B) menunjukkan peratusan tertinggi tahap etika dan integriti dalam organisasi iaitu sebanyak 70.85% berbanding Sektor awam Peringkat Negeri (Kajian Kes A) (68.26%) dan Kajian Kes C iaitu badan berkanun Persekutuan yang hanya mencatatkan sebanyak (66.10%). Azimi (2013) pula mendapati bahawa tahap integriti pegawai-pegawai BPSMPA, MACC adalah di tahap biasa. Kajian tersebut juga mencadangkan bahawa elemen religositi, prestasi kerja, dan kualiti kepimpinan sebagai faktor utama yang mempengaruhi tahap integriti Responden. Malah, kehadiran faktor kualiti kepimpinan, religositi, prestasi kerja, dan pelan transformasi mempunyai hubungan kait yang signifikan dengan tahap integriti Responden serta tempoh perkhidmatan responden juga merupakan faktor yang membezakan tahap integriti di antara domain-domain integriti.

Selain itu, pemahaman dan penghayatan terhadap konsep integriti juga penting dan boleh mempengaruhi tahap produktiviti dan kecemerlangan seseorang pekerja. Pemahaman dan penghayatan konsep integriti yang baik melahirkan pekerja yang beramanah, lebih produktif dan cemerlang (Anuar Puteh et al, 2021).

Kajian juga dijalankan oleh Zainal Md Zan et al (2021) mengenai persepi pegawai dan anggota penguatkuasa terhadap kepentingan penguatkuasaan integriti ke atas agensi penguatkuasaan yang membabitkan agensi-agensi Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Dapatan kajian menunjukkan para pegawai penguatkuasa menyedari tentang kepentingan integriti dalam urusan penguatkuasaan dan memahami punca-punca berlakunya salah laku dalam agensi penguatkuasaan. Dapatan juga menunjukkan responden kajian mahu semua anggota penguat kuasa mempunyai integriti dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan (Zainal Md Zan et al, 2021).

Ketua pegawai integriti dan iklim etika

Ekosistem yang sesuai dalam sesebuah institusi memainkan peranan penting bagi mengurangkan risiko perlakuan rasuah dan pelanggaran integriti. Dalam konteks integriti, ini tidak hanya tertumpu kepada isu rasuah sahaja, bahkan ia merupakan satu konsep yang mencakupi amalan budaya kerja berintegriti seperti ketepatan waktu, penyampaian maklumat, perkhidmatan terbaik, serta perhubungan dan komunikasi. Budaya organisasi yang memartabatkan integriti akan mewujudkan persekitaran, atau iklim etika yang baik kepada warga kerja untuk menghindari salah laku termasuk rasuah (Megat Ayop Megat Arifin, 2016; Asmawati Sajari, 2016).

Asmawati Sajari (2019) yang mengkaji hubungan kualiti Ketua Pegawai Integriti dan iklim etika terhadap tahap etika dan integriti dalam sektor awam di Malaysia, mendapati kualiti Ketua Pegawai Integriti (kecekapan, prestasi kerja) dan iklim etika mempunyai hubungan signifikan dan positif dengan tahap etika dan integriti dalam sesebuah organisasi. Kajian tersebut menggunakan kaedah soal selidik berdasarkan Victor dan Cullen (1987,1988) yang diedarkan kepada 128 orang pegawai awam berkaitan etika dan integriti dalam organisasi mereka.

Dalam aspek etika kerja Islam, Ali et al (2021) mengkaji hubungan dan kesan integriti ketua serta religiositi terhadap etika kerja Islam dalam kalangan kakitangan sokongan. Hasil kajian menunjukkan integriti ketua dan religiositi berhubung secara positif dan signifikan dengan etika kerja Islam. Di samping itu, kajian juga mendapati integriti ketua dan religiositi mempengaruhi etika kerja Islam dalam kalangan kakitangan sokongan.

Sehubungan itu, Ketua Pegawai Integriti mempunyai peranan dan tanggungjawab yang penting dalam memastikan ekosistem yang beretika dan berintegriti dilaksanakan di dalam sesebuah organisasi bagi mengelakkan perlakuan rasuah. Perbincangan seterusnya akan melihat faktor-faktor yang menyumbang kepada perlakuan rasuah.

4. Faktor penyumbang kepada perlakuan rasuah

Terdapat juga kajian yang dilakukan bagi mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada perlakuan rasuah. Seperti yang dinyatakan oleh Wolfe dan Hermanson (2004) melalui Teori *Fraud Diamond*, kelakuan tidak berintegriti wujud disebabkan oleh empat faktor utama iaitu tekanan, peluang, rasionalisasi serta kemampuan. Teori *Fraud Diamond* ini bertepatan dengan hasil daripada kajian-kajian yang dilakukan ke atas penjawat awam di institusi pentadbiran kerajaan. Faktor utama berlakunya rasuah dalam kalangan penjawat awam adalah disebabkan kewujudan peluang (Noraida Harun, 2017; Ismail, 2004). Peluang atau kesempatan melakukan rasuah terbuka luas khususnya apabila kedua-dua pihak saling bekerjasama memenuhi kehendak masing-masing dengan mempertaruhkan amalan rasuah sebagai kaedah bagi menjayakan segala keinginan masing-masing. Lebih-lebih lagi, wujudnya elemen kemampuan dalam persekitaran pentadbiran awam juga menyumbang kepada rasuah selaras dengan Teori *Fraud Diamond*. Penjawat awam umumnya mempunyai kedudukan, pangkat, kuasa, pengaruh dan pengetahuan yang boleh digunakan untuk manfaat peribadi. Sebagai contoh, kes rasuah membabitkan Polis Diraja Malaysia lebih kerap dilaporkan berbanding agensi penguatkuasaan kerajaan yang lain berikutan skop dan persekitaran kerja yang lebih luas dan berhubung secara langsung dengan orang ramai. Ini mendedahkan mereka kepada amalan rasuah khususnya apabila orang yang ditahan atas sesuatu kesalahan memohon untuk dilepaskan daripada tindakan undang-undang (Ahmad Nasyran Azrae, 2018).

Seterusnya, kelemahan dalam sistem perundangan dan hukuman juga membuka peluang untuk seseorang penjawat awam itu melakukan rasuah. Dalam hal ini, tatacara dan peraturan kerja yang longgar dan kelemahan dalam pelaksanaan peraturan (Harun, 2017), serta kelemahan dalam mengambil tindakan atau penguatkuasaan serta hukuman yang tidak setimpal (Hashim,

2017; Ismail, N.S, 2004). Ini membuka peluang terjadinya jenayah rasuah disebabkan kurangnya rasa gerun dalam diri individu terhadap hukuman atau penalti yang diberikan, dan sebaliknya boleh menggalakkan rasuah.

Sebagai contoh, susulan daripada laporan ketua Audit Negara Tahun 2012-2018, daripada jumlah 1000 pegawai sebuah jabatan yang telah ditegur akibat melanggar peraturan berkaitan tata tertib, majoriti pegawai hanya diberikan amaran sahaja. Sebahagian besar tidak dikenakan sebarang tindakan atau hukuman tata tertib. Keadaan sedemikian boleh merendahkan keseriusan tindakan atau kesalahan yang dilakukan oleh pegawai yang sepatutnya dihukum dengan hukuman yang lebih berat.

Sebaliknya, sistem birokrasi yang rumit di dalam sistem pentadbiran awam juga boleh membuka peluang kepada perlakuan rasuah. Hal ini berlaku apabila proses pengurusan pentadbiran yang melalui banyak saluran dan memakan masa yang lama. Bagi individu yang terdesak atau mahu segera menyelesaikan masalah, mereka akan mudah memberikan imbuhan dengan harapan pemprosesan permohonan didahulukan oleh penerima rasuah (Sarah Dina Mohd Adnan, 2013). Keadaan ini juga dikatakan banyak berlaku di Pejabat Tanah bagi mempercepatkan urusan, bahkan ia sudah menjadi amalan biasa dalam kalangan mereka yang kerap berurusan di jabatan itu (Noraida Harun, 2017).

Di samping itu, berdasarkan teori *Fraud Diamond*, tekanan juga boleh menyebabkan kelakuan tidak berintegriti menjadi pilihan sekiranya objektif sukar dicapai dalam keadaan biasa. Tekanan yang dihadapi seperti kenaikan kos sara hidup individu, serta pendapatan atau gaji yang diterima tidak setimpal dengan keadaan persekitaran ekonomi semasa yang semakin mencabar menyebabkan sesetengah pihak terpaksa mengambil jalan mudah dengan melakukan amalan rasuah (Noraida Harun, 2017). Seterusnya, bebanan hutang peribadi (Duasa, 2008) dan gaya hidup yang mewah berbanding gaji bulanan yang rendah (Karim, 1995), merupakan faktor signifikan yang boleh menyumbang kepada kecenderungan seorang penjawat awam untuk melakukan jenayah rasuah.

Selain itu, Nordin (2015) dan Ismail (2004) turut berpendapat bahawa faktor utama terjadinya rasuah adalah lebih disebabkan oleh sikap individu pelaku itu sendiri. Selaras dengan Teori *Fraud Diamond*, faktor rasuah berlaku juga adalah disebabkan oleh sikap rasionalisasi individu iaitu mengesahkan tindakan mereka sebagai diterima dan bukan satu jenayah. Jika seseorang itu mempunyai nilai integriti yang kukuh, sudah pasti individu tersebut akan menyedari bahawa rasuah itu adalah suatu perkara yang salah dan tidak boleh diterima walau dalam apa jua situasi yang berlaku.

Faktor rasionalisasi tersebut berkait rapat dengan nilai individu yang menjadi faktor dalaman yang mempengaruhi niat seseorang pelaku rasuah (Daud, 2019; Zaleha Othman, 2014). Daud (2019), contohnya, mendapati terdapat antara faktor tersebut sikap mengabaikan nilai dan tuntutan agama; mementingkan diri sendiri berbanding kepentingan pekerjaan; serta menginginkan hidup mewah melebihi kemampuan. Perkara-perkara yang menjadi faktor yang dinyatakan di sini memerlukan cadangan penyelesaian yang akan dianalisa dalam perbincangan seterusnya.

5. Cadangan penyelesaian

Rasuah dalam pentadbiran awam boleh memberi implikasi yang serius bukan saja kepada sistem pentadbiran kerajaan tersebut, tetapi juga sistem ekonomi dan sosial sesebuah negara. Hal ini kerana apabila gejala rasuah berleluasa, maka pertimbangan dan keputusan tidak lagi dibuat berdasarkan kepada kepentingan dasar dan perancangan melainkan untuk

kepentingan kedudukan dan keuntungan pihak-pihak sahaja (Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan, 2019). Keadaan ini menghakis dan seterusnya meruntuhkan kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada pentadbiran kerajaan yang berkait rapat dengan pembangunan dan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat.

Oleh yang demikian, usaha membanteras rasuah sangat penting dalam pentadbiran awam. Berdasarkan faktor-faktor yang dikenalpasti boleh menyumbang kepada perlakuan rasuah, usaha menangani isu rasuah perlu mengurangkan peluang dan kecenderungan kepada perlakuan rasuah dengan melaksanakan strategi yang menyeluruh, meliputi bukan sahaja individu penjawat awam, tetapi juga organisasi terbabit, undang-undang berkaitan rasuah dan penguatkuasaannya, serta keseluruhan masyarakat.

Iklm etika organisasi

Keseluruhan organisasi pentadbiran awam serta unit-unit di bawahnya juga perlu mempunyai iklim etika dan integriti yang tinggi. Khususnya, organisasi pentadbiran mesti mengamalkan tadbir urus yang baik. Ini termasuk memastikan ketelusan (*transparency*) dan akauntabiliti dalam pentadbiran. Mutakhir ini, pihak kerajaan juga melaksanakan agenda integriti nasional berdasarkan Pelan Integriti Nasional (NIP) (Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan, 2019). Proses ini merangkumi pemupukan integriti dalam setiap individu, organisasi, institusi, dan sektor yang perlu dipupuk dan diperkuat. Ini adalah melalui pendekatan holistik melalui pelaksanaan Pelan Integriti Nasional di semua peringkat masyarakat dari peringkat paling bawah hingga paling tinggi badan pembuat keputusan. Dalam kata lain, proses enkulturasi akan terlibat dalam menguruskan unsur-unsur nilai moral, integriti, ketelusan, dan pertanggungjawaban.

Seperti yang telah banyak dilaksanakan oleh pihak kerajaan, Sarah Dina Mohd Adnan (2013) mencadangkan agar sistem birokrasi dalam perkhidmatan awam perlu dipermudah dan diperkemas, antaranya, dengan menggunakan teknologi maklumat yang sesuai. Sebagai contoh, penggunaan borang, proses temu duga dan seumpamanya perlu diringkaskan supaya tidak membebankan orang ramai khususnya para peniaga, kontraktor dan pelabur. Proses yang mudah dan telus dapat menghindari bahaya rasuah kerana tidak perlu disogok semata-mata untuk mempercepatkan proses.

Oleh kerana terdapat banyak usaha-usaha penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak tahun-tahun terakhir ini, kajian lanjut boleh dijalankan samada inisiatif yang telah dilaksanakan kerajaan dalam mempertingkatkan tahap integriti awam mencapai matlamatnya.

Selain itu, teknik yang berkesan untuk mengesan rasuah adalah amat penting untuk dikenalpasti kerana ia boleh membantu mengesan salah laku pekerja sekaligus membantu mencegah rasuah (Nurisyah Muhamad, 2020). Rohana Othmana (2015) dalam kajiannya, mendapati audit operasi, jawatankuasa audit yang dipertingkatkan, kawalan dalaman yang lebih baik, pelaksanaan polisi untuk melaporkan penipuan, penggiliran kakitangan, talian *hotline* penipuan dan forensik akauntan adalah antara teknik pencegahan dan pencegahan penipuan yang paling berkesan digunakan di sektor awam. Kajian tersebut mengenalpasti kaedah untuk mengesan dan mencegah penipuan dan rasuah di sektor awam di Malaysia dan keberkesanan yang dirasakan sesuai dari sudut pandangan akauntan dan juga juruaudit dalaman. Kajian lain oleh Nor Raihana Asmar Mohd Noor et al, (2017), juga merumuskan audit dalaman memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap integriti dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam di Malaysia.

Integriti penjawat awam

Sebagai sebahagian dari usaha mempertingkatkan iklim etika dan integriti sesebuah organisasi, latihan dan pendidikan berkala tentang jenayah rasuah boleh mengurangkan kecenderungan perlakuan rasuah bagi membentuk budaya kerja yang cemerlang dalam individu penjawat awam (Daud, 2019; Haron, 2017; Duasa, 2008). Tiga faktor utama bagi membentuk budaya kerja cemerlang tersebut adalah iaitu penglibatan dalam kerja, kepuasan bekerja dan komitmen bekerja seseorang penjawat awam yang seterusnya mampu melahirkan iklim etika organisasi yang baik. Misalnya, nilai etika kerja Islam boleh diterapkan dalam kalangan penjawat awam memandangkan nilai-nilai agama merupakan elemen utama yang mempengaruhi pemikiran dan sikap seorang penjawat awam (Daud, 2019). Antara lain, Islam menyarankan agar semua individu mengamalkan serta menghayati konsep amanah terhadap Allah, serta kepercayaan bahawa Allah memerhati dan mengetahui setiap perkara yang dilakukan seseorang (Noraida Harun, 2017).

Kajian yang oleh Anuar Puteh et. al (2021) mendapati integriti mempunyai kaitan rapat dengan kecekapan dan keberkesanan sesuatu kerja atau tugas yang dilakukan sehingga memberi impak yang positif terhadap peningkatan kualiti dan produktiviti. Kajian ini juga mendapati seseorang penjawat awam yang mempunyai integriti yang tinggi akan melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab berbanding pekerja yang mempunyai nilai integriti yang rendah.

Undang-undang dan penguatkuasaan

Undang-undang sedia ada dicadangkan agar dikuatkuasakan sewajarnya dan secara adil dan saksama. Duasa (2008), mencadangkan agar tindakan tatatertib diperketatkan di semua jabatan terutama jabatan-jabatan yang mempunyai kecenderungan rasuah yang tinggi seperti penguatkuasaan undang-undang.

Di samping itu, Ramlee (2019) mencadangkan agar bentuk hukuman dan penalti di bawah Seksyen 24 Akta SPRM 2009 iaitu peruntukan membabitkan penjawat awam ditingkatkan. Selain penjara dan denda, disarankan agar hukuman lain sebat, pemulauan dan ancaman turut dimasukkan dalam peruntukan tersebut. Ini dirasakan dapat membantu dalam memberikan hukuman yang lebih tepat dan setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan serta memberi ruang kepada Hakim lebih banyak pilihan bentuk hukuman yang boleh dijatuhkan kepada pesalah rasuah sesuai dengan jenis kesalahan yang dilakukan.

Proses audit secara berkala dan serius memainkan peranan penting bagi memastikan garis panduan, polisi dan undang-undang dipatuhi. Saranan Ketua Audit Negara bagi setiap jabatan kerajaan memaksima pengawasan dalaman, mempertingkatkan kawalan bagi projek-projek kerajaan, dan mengurus aset kerajaan dengan telus dan tegas merupakan mekanisme penguatkuasaan dasar integriti bagi perkhidmatan awam (Azmi, 2022).

Penguatkuasaan segera dan tegas ke atas kes-kes melibatkan rasuah di kalangan penjawat awam meliputi penyiasatan, tangkapan dan proses mahkamah amat penting bagi membanteras jenayah ini. Sebagai contoh, pada tahun 2019, sebanyak 387 atau 47.68% tangkapan melibatkan penjawat awam dari keseluruhan 525 kes tangkapan keseluruhan dibuat oleh SPRM. Tahun 2020 menunjukkan sedikit penurunan peratusan tangkapan penjawat awam mewakili 46.79% atau 350 dari 467 kes tangkapan keseluruhan. Walau bagaimanapun, pada tahun 2021, terdapat peningkatan jumlah tangkapan yang memabitkan pegawai awam iaitu sebanyak 411 kes atau 48.29% dari jumlah 851 kes tangkapan keseluruhan (SPRM, 2022).

Bagi kes-kes pendakwaan pula, statistik SPRM pada tahun 2020 menunjukkan sebanyak 339 kes pendakwaan atau 64.9% adalah membabitkan penjawat awam berbanding 522 kes pendakwaan keseluruhan (SPRM, 2021).

Dalam masa yang sama kes-kes rasuah berprofil tinggi yang melibatkan penjawat awam juga diberikan keutamaan untuk perbicaraan di mahkamah bagi menunjukkan komitmen tinggi agensi penguatkuasaan dalam memerangi rasuah dan memelihara integriti.

Sebagai contoh dalam kes melibatkan bekas Perdana Menteri, *Pendakwa Raja Iwn Dato Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak* [2020] 11 MLJ 808, tertuduh telah didakwa bagi satu pertuduhan bawah seksyen 23(1) Akta SPRM 2009, tiga pertuduhan di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan, dan tiga pertuduhan di bawah seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001). Mahkamah Tinggi telah mensabitkan kesalahan kepada tertuduh dan menjatuhkan hukuman 12 tahun penjara dan denda RM210 juta bagi kesalahan di bawah seksyen 23(1) Akta SPRM 2009, 10 tahun penjara bagi setiap kesalahan di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan, dan 10 tahun penjara bagi setiap kesalahan di bawah seksyen 4(1) AMLATFPUAA 2001.

Tertuduh telah merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan. Walau bagaimanapun, Mahkamah Rayuan menolak rayuan perayu dan mengesahkan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi bagi sabitan dan hukuman (*Dato Sri Mohd Najib bin Hj Abd Razak Iwn Pendakwa Raja* [2022] 1 MLJ 137).

Sementara itu, dalam kes *Abd Ghani bin Ismail Iwn Pendakwa Raja* [2020] MLJU 565, seorang ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah dituduh atas beberapa pertuduhan suapan rasuah bagi mendapatkan tender pelupusan sisa pepejal. Dalam kes ini, Mahkamah Rayuan telah mengekalkan sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi iaitu tiga tahun penjara dan denda RM10,000 bagi kesalahan di bawah seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 (APR 1997), lima tahun penjara dan denda RM120,945 pertuduhan pertama, keempat hingga kesembilan di bawah seksyen 10(a)(aa) APR 1997, tiga tahun penjara dan denda RM10,189 bagi pertuduhan kedua di bawah seksyen 10(a)(aa) APR 1997, dan tiga tahun penjara dan denda RM70,000 bagi pertuduhan ketiga di bawah seksyen 10(a)(aa) APR 1997.

Seterusnya, dalam kes *Pendakwa Raja Iwn Mohd Ismail Syed Merah* [2020] MLJU 1712, seorang pegawai kanan polis berpangkat Deputy Superintendan (DSP) secara pemangku yang bertugas di IPD Batu Pahat, Johor telah dituduh di Mahkamah Sesyen Jenayah (SPRM), Johor Bahru, atas 7 pertuduhan melibatkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu kesalahan dibawah s. 4 (1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001). Di akhir kes pembelaan, Hakim Mahkamah Sesyen memerintahkan tertuduh dilepas dan dibebaskan atas semua pertuduhan.

Dalam kes ini, pihak pendakwaan telah membuat permohonan untuk melucutkan bagi harta-harta yang menjadi asas dalam pertuduhan. Walau bagaimanapun, permohonan untuk melucutkan harta-harta tersebut ditolak oleh Mahkamah Sesyen. Pihak pendakwaan seterusnya memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi. Di peringkat rayuan, Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan menjatuhkan hukuman empat tahun penjara bagi setiap pertuduhan dan harta berjumlah RM1,270,336 dan Rupiah 8,178,000 dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia di bawah seksyen 55(1) AMLATFPUAA 2001.

Masyarakat

Masyarakat keseluruhannya juga perlu membudayakan penolakan rasuah. Dicadangkan juga agar bahaya rasuah dapat ditekankan di dalam sistem pendidikan. Sifat benci kepada rasuah akan dapat dihayati dalam diri sekiranya diajar dan dididik sejak zaman persekolahan lagi. Generasi yang dididik benci rasuah akan membesar menjadi individu yang lebih bertanggungjawab, amanah dan ikhlas yang seterusnya dapat membentuk generasi akan datang yang bebas daripada rasuah (Sarah Dina Mohd Adnan, 2013).

Kajian oleh Saleh (2021) menunjukkan amalan rasuah bukan sahaja terjadi di peringkat pegawai tertinggi kerajaan, malahan masyarakat juga terdedah dengan amalan rasuah. Oleh itu, masyarakat perlu memainkan peranan penting dalam menolak amalan rasuah dengan tidak menawarkan rasuah bagi memperoleh projek atau permohonan. Jika amalan rasuah pada peringkat bawah meja, ia masih ada harapan untuk memeranginya apabila orang ramai tidak lagi berani menawarkan rasuah secara terbuka untuk memperoleh sesuatu projek atau permohonan (Berita Harian Online, 22 Januari 2020).

Saleh (2021) juga merumuskan jika tindakan undang-undang yang keras dikenakan kepada pegawai tinggi kerajaan maka masyarakat tidak akan berani untuk menawarkan rasuah. Justeru tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap pegawai tinggi kerajaan akan memberi impak yang besar kepada masyarakat. Hal ini memperlihatkan usaha kerajaan yang berusaha untuk mengatasi amalan rasuah dalam kalangan masyarakat berdasarkan tindakan yang diambil terhadap pegawai tinggi kerajaan. Dengan kata lain, usaha kerajaan akan menjadi 'peringatan' kepada masyarakat supaya tidak mengamalkan amalan rasuah ini.

6. Kesimpulan

Kajian-kajian terdahulu berkaitan rasuah dalam pentadbiran awam di Malaysia menumpukan kepada penilaian kepada persepsi umum dan tahap risiko atau kecenderungan terhadap kadar rasuah serta tahap integriti kakitangan perkhidmatan awam dalam sesebuah institusi. Hasil dari sorotan literatur ini menunjukkan persepsi umum terhadap masalah tersebut adalah serius. Manakala, sektor yang mempunyai kecenderungan tinggi melakukan rasuah adalah sektor penguatkuasaan undang-undang dan perolehan.

Selain itu, kewujudan peluang dan kesempatan kepada penjawat awam, khususnya iklim etika yang rendah dalam organisasi seperti kelemahan dalam pengurusan, serta kelemahan penguatkuasaan undang-undang merupakan antara faktor utama yang mempertingkatkan risiko rasuah. Oleh yang demikian, pendidikan dan panghayatan nilai etika kerja yang baik, penguatkuasaan undang-undang antara lain adalah penting bagi memastikan tahap integriti yang tinggi di kalangan kakitangan awam bagi mengurangkan risiko rasuah dalam pentadbiran awam.

Walau bagaimanapun, terdapat kelompangan yang dikenal pasti hasil sorotan literatur bagi kajian berkaitan isu rasuah dan integriti yang melibatkan penjawat awam di Malaysia yang boleh menjadi prospek kajian akan datang. Pertama, kajian lanjut berkaitan penguatkuasaan dan undang-undang berkaitan rasuah dan integriti bagi kes-kes berprofil tinggi yang melibatkan penjawat awam; dan kedua, kajian lanjut bagi mengkaji keberkesanan terhadap polisi, pelan dan inisiatif kerajaan dalam memerangi rasuah dan melonjakkan tahap integriti di kalangan penjawat awam di Malaysia.

Dapatan dan saranan hasil dari tinjauan literatur ini diharap dapat dijadikan rujukan dan panduan untuk membantu pihak kerajaan memperbaiki masalah integriti sekaligus membantu dalam menggubal peruntukan atau pelan bagi membanteras masalah isu rasuah di dalam perkhidmatan awam khususnya. Akhirnya, oleh kerana terdapat banyak usaha penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak tahun-tahun terakhir ini, kajian lanjut boleh dijalankan samada inisiatif yang telah dilaksanakan kerajaan dalam mempertingkatkan tahap integriti awam mencapai matlamatnya.

Penghargaan


Para penulis merakamkan setinggi penghargaan kepada Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC), Jabatan Perdana Menteri atas dana geran penyelidikan. Penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI), Universiti Sains Islam Malaysia yang membantu urusan penyelidikan ini di bawah Kod Geran: USIM/JPM-GIACC/FSU/LUAR K/41520.

Rujukan

- Ali, M. F. M., & Ahmad, M. (2021). Hubungan Integriti Ketua, Religiositi dan Etika Kerja Islam dalam Kalangan Kakitangan Sokongan [The Relationship Between Head Integrity, Religiosity, and Islamic Work Ethics among the Support Staff]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 1(4), 65-80.
- Ahmad Nasyran Azrae, H. H. (2018). Penglibatan Rasuah Di Kalangan Agensi Penguatkuasaan Kerajaan: Satu Analisis Laporan Berita Tempatan. *International Journal of Law, Government and Communication*.
- Anis Yusal Yusoff, Z. M. (2017). *Laporan Hasil Dapatan Kajian Persepsi Mahasiswa Mengenai Rasuah Di Malaysia*. Institut Integriti Malaysia.
- Anuar Puteh, Nor Akrimi Mohd Ali & Abdul Ghafar Don (2021). Kefahaman kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Kedah terhadap konsep integriti. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2):182-191.
- Asmar Abdul Rahim, N. Y. (2021). Ketirisan Skim Subsidi Baja: Punca dan Peruntukan Perundangan di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 46-56.
- Asmawati Sajari, H. H. (2019). Quality of Chief Integriti Officer, Ethical Climate and The Level Of Ethics and Integrity in the Malaysian Public Sector. *PhD, Universiti Malaysia Pahang*.
- Azimi, A. (2013). Integrity level among Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) staffs - A case study of Human Resource and Administration Department . *Master Thesis*.
- Azmi, S. M. M., & Ismail, S. (2022). Weaknesses of Malaysian public procurement: a review of auditor general's reports. *Journal of Financial Reporting and Accounting*.
- Budhi, W. S. (2018). A Nexus of Migration and Corruption: Irregular Indonesian Migrants in Malaysia. *The Global Studies Journal*.
- Corruption Perceptions Index*. (2019). Didapatkan Disember 2, 2020, daripada Transparency International: <https://www.transparency.org/en/cpi/2019/results/table>

- Daud, E. (2019). Faktor-Faktor Dalaman Yang Mempengaruhi Niat Individu Untuk Mengamalkan Rasuah Di Kalangan Penjawat Awam Pihak Berkuasa Tempatan. *Jurnal Kemanusiaan*.
- David T. Wolfe, D. R. (2004). The Fraud Diamond: Considering the Four Elements of Fraud. *CPA Journal*, 38-42.
- Duasa, J. (2008). Tendency Of Corruption And Its Determinants Among Public Servants: A Study On Malaysia. *MPRA Paper11562, University Library of Munich, Germany*.
- Embong, A. R. (2005). Public Opinion Survey and Anti-Corruption Reform in Malaysia. *ADB/OECD Anti-Corruption Initiative for Asia and the Pacific 5th regional anti-corruption conference*, (hlm. 2). Beijing.
- FGIC. (2019). FGIC Corruption Barometer: Case of East Region of Malaysia. *FGIC 2ndConference on Governance & Integrity 2019* (hlm. 19). Governance & Integrity Centre Faculty Of Industrial Management.
- Haron, H. (2020). Perception of Corruption: Case of East Coast Region of Malaysia. *Research Webinar Series 2.0*.
- Hashim, N. (2017). Development Efforts and Public Sector Corruption in Malaysia: Issues and Challenges. *Journal of Sustainability Science and Management*.
- Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan*. (2019, December 16). Didapatkan December 1, 2020, daripada Laman Rasmi Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan: <http://www.ilkap.gov.my/kertaspenyelidikan.php>
- Ismail, N. S. (2004). Rasuah....? Katakan tidak. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004*. Hotel City Bayview, Langkawi.
- John B. Cullen, B. I. (1993). The Ethical Climate Questionnaire: An Assessment of Its Development and Validity. *Psychological Reports*, 667-674.
- Karim, R. (1995). Rasuah Polis (Pasukan Polis Diraja Malaysia Sebagai Satu Kes Pengajian). *PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Megat Ayop Megat Arifin, A. H. (2016). Kepentingan Budaya Integriti dan Etika Kerja dalam Organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum. *Malaysia Journal of Society and Space*, 138-149.
- Mohd Ishar, M. I., Md Azmi, F. A., Mokhtar, M. H., Risal, A. R., Abdullah, M., Ibrahim, K. I., Fadzullah Elias, M. F., Abd Hamid, Z. M., Jaafar, M. F., & Mustari, N. F. (2021). Amalan Tidak Berintegriti: Remeh Tapi Salah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 215 - 223.
- Noraida Harun, Z. H. (2017). Rasuah Dalam Pentadbiran Tanah: Penyelesaian Menurut Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*.
- Nordin, R. M. (2015). A Framework Of Transparency Initiative (Ti) To Fight Corruption For Public Construction Projects. (*Phd Thesis*), *Universiti Teknologi Mara*.

- Nor Raihana Asmar Mohd Noor, Liziana Kamarul Zaman, Wan Asma Hanim Wan Mustapha, and Nursyahida Zulkifli (2017). Effectiveness of Internal Audit: Ensuring Public Sector Accountability and Integrity. *Voice of Academia (VoA)*, 12 (2), 68-77.
- Nurisyah Muhamad, N. A. (2020). A decade of corruption studies in Malaysia. *Journal of Financial Crime*.
- Ramlee, N. S. (2019). Rasuah dalam Kalangan Penjawat Awam Menurut Undang-Undang Jenayah Islam dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). *Malaysian Journal of Youth Studies*.
- Rohana Othmana, N. A. (2015). Fraud Detection and Prevention Methods in the Malaysian Public Sector: Accountants' and Internal Auditors' Perceptions. *Procedia Economics and Finance*.
- Salah, M. H., Hamzah, Z. A. Z., & Rodi, R. C. (2021). Medan Makna 'Memperhebatkan Pembanterasan Rasuah' Dalam Ungkapan 'Malaysia Baharu' Mei 2018. *Jurnal Linguistik*, 25(1).
- Sarah Dina Mohd Adnan, M. A. (2013). Impak Rasuah Kepada Pertumbuhan Ekonomi. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII*. Johor Bahru.
- Siddiquee, N. A. (2011). Approaches to Fighting Corruption and Managing Integrity in Malaysia: A Critical Perspective. *Journal of Administrative Science*.
- Wan Murshida Wan Hashim, M. M. (2019). Combating Corruption in Malaysia: An Analysis of the Anti-Corruption Commission Act 2009 with Special Reference to Legal Enforcement Body. *Journal of Administrative Science*.
- Zaleha Othman, R. S. (2014). Corruption – Why do they do it? *Procedia - Social and Behavioral Sciences*.
- Zan, Z. M., Ayub, Z. A., Wahab, H. A., Yusoff, Z. M., & Shariffuddin, M. D. K. (2021, December). Integriti Pegawai Penguatkuasa Ke Arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 16: Keamanan, Keadilan Dan Institusi Yang Kukuh. SOIS Conference on Contemporary Global Studies 2021, 184.



Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

ISSN: : 1985-5079

